

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bentuk pembanterasan yang sedang dipergiatkan oleh DBKL terhadap kumpulan penjaja warga asing tidak berlesen yang mendominasi ruang perniagaan di Little India di Brickfields, Kuala Lumpur dan apakah pelan penyelesaian jangka panjang yang akan dilaksanakan bagi menangani masalah tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar (WPKL) 2016 yang digunapakai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengawal selia aktiviti perniagaan telah menyatakan dengan jelas bahawa tiada lesen boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang bukan warganegara dan pemegang lesen juga tidak boleh mengambil pembantu bukan warganegara.
2. Namun begitu, bagi pelesenan premis perniagaan, DBKL membenarkan orang bukan warganegara untuk membuat permohonan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun terdapat 20 aktiviti perniagaan seperti Pejabat Urusan, Hotel dan lainlain, pelesenan adalah tidak dibenarkan sama ada secara individu atau perkongsian.
3. Dalam syarat lesen premis perniagaan juga, DBKL turut menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 50 peratus daripada pekerja syarikat yang berada di premis perniagaan mestilah terdiri daripada pekerja warganegara.
4. DBKL sentiasa mengambil tindakan tegas ke atas penjaja warga asing dengan menyita barangan perniagaan dan penuntutan semula barangan yang disita tersebut adalah sama sekali tidak dibenarkan. Tindakan ini turut dilaksanakan di sekitar kawasan Little India, Brickfields yang merupakan kawasan *hotspot* tindakan penjaja warga asing termasuk premis-premis yang menggunakan pekerja warga asing tanpa permit kerja yang sah.

5. Bagi mengatasi perkara ini, DBKL juga akan mengadakan sesi libat urus dengan pihak persatuan penjaja untuk menjadi “mata dan telinga” DBKL agar salah laku penjaja warganegara asing ini dapatkan disalurkan kepada DBKL bagi tindakan penguatkuasaan.

6. Walau bagaimanapun, tindakan ke atas warga asing yang menyalahgunakan pas lawatan dan permit kerja adalah dibawah bidang kuasa dan tanggungjawab Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan DBKL sering bekerjasama dengan JIM dalam mengadakan operasi bersepadu untuk mengambil tindakan penguatkuasaan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN

TARIKH : 5 DISEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATO' AJIS BIN SITIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk menyelesaikan masalah parkir di kawasan perumahan sekitar Kuala Lumpur yang sangat sesak pada masa sekarang sehinggakan berlaku budaya 'cop' petak parkir tepi jalan untuk dijadikan tempat parkir persendirian dengan meletak tanda seperti kon, pasu bunga, tong sampah, tin cat kosong dan sebagainya.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil maklum keperluan tempat letak kereta yang mendesak di kawasan perumahan awam dan kos rendah sekitar Kuala Lumpur. Semasa perancangan awal sekitar tahun 1980an dan 1990an, keperluan tempat letak kereta ditetapkan berdasarkan piawaian satu (1) tempat letak kereta bagi setiap empat (4) unit kediaman. Piawaian ketika itu mengambilkira kemampuan pemilikan kenderaan golongan berkenaan serta kos pembinaan projek perumahan yang tinggi.
2. Kadar semasa keperluan tempat letak kereta bagi pembangunan kediaman Rumah Mampu Milik ialah satu (1) tempat letak kereta bagi setiap unit kediaman yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2015 dan tambahan 10% tempat letak kereta pelawat. Manakala tempat letak kereta pembangunan kediaman harga bebas adalah berdasarkan kepada harga rumah seunit. Sementara dua (2) tempat letak kereta per 1 unit kediaman diperuntukkan kepada unit kediaman yang berharga RM400,000 sehingga RM750,000 berdasarkan Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kenderaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Edisi 2021. Bagi mengatasi isu tempat letak kereta ini, DBKL juga telah membangunkan 14 tempat letak kereta bertingkat dengan jumlah 7,785 petak parkir khususnya di kawasan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar Kuala Lumpur.
3. Sebagai langkah jangka panjang, Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) yang diwartakan pada 19 Oktober 2023 telah merancang untuk mempertingkatkan penggunaan pengangkutan awam sebagai langkah mengurangkan pergantungan kenderaan persendirian melalui Halatuju Strategik MC1: Kepelbagaian Mod Pengangkutan Awam Yang Berintegrasi dan

Halatuju Strategik MC3: Pengurusan Lalu Lintas Yang Efektif.
Halatuju strategik ini disokong oleh enam (6) tindakan iaitu:

- (i) Memperluas rangkaian rel dan mempertingkat infrastruktur sokongan;
- (ii) Membangunkan sistem komuter bandar dalam Bandar Raya Kuala Lumpur;
- (iii) Memberi keutamaan kepada pembangunan perkhidmatan bas awam;
- (iv) Merancang untuk perkhidmatan teksi dan e-hailing;
- (v) Mengurus trafik dalam Bandar Raya Kuala Lumpur;
- (vi) Mengurus ruang tempat letak kenderaan (TLK); dan
- (vii) Memperkukuh fungsi jalan raya sedia ada.

4. Selain itu, DBKL telah melaksanakan *first mile and last mile* bagi menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam. Ini termasuklah perkhidmatan percuma Bas GoKL untuk kegunaan warga kota.

5. Berdasarkan Pelan Induk Trafik Kuala Lumpur 2040 (PITKL2040) yang dibangunkan oleh DBKL, antara objektif yang digariskan adalah mensasarkan pencapaian nisbah pisah ragam (model split) kepada 70 peratus penggunaan pengangkutan awam berbanding 30 peratus penggunaan kenderaan persendirian. Langkah inisiatif yang dicadangkan di dalam pelan induk PITKL2040 tersebut hanya boleh dicapai dengan mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan kenderaan persendirian.

6. Di samping itu, DBKL mengambil tindakan penguatkuasaan pindah halangan bagi kesalahan cop parkir dengan menyita terus objek-objek yang diletakkan di dalam petak parkir. Dalam tempoh Januari hingga Oktober 2023, sebanyak 80 siri tindakan telah dilaksanakan dan hasilnya sebanyak 1,095 sitaan telah dibuat. Untuk sebarang aduan, pihak pengadu boleh memanjangkan aduan secara rasmi kepada DBKL melalui sistem adu@KL agar tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan.
Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 13 DISEMBER 2023 (RABU)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi dan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah *Budget Deficit* yang berpanjangan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terutamanya selepas pandemik Covid-19 sehingga kini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menangani hal berkaitan Belanjawan defisit, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberikan tumpuan kepada dua (2) fokus utama iaitu melalui peningkatan hasil dan kawalan perbelanjaan.
2. Antara strategi untuk meningkatkan kutipan hasil adalah dengan memperkenalkan hasil-hasil baru seperti pengenalan caj Bas GoKL kepada warga asing, mengkaji semula fi sedia ada melalui pindaan Undang-Undang Kecil Fi (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2022 dan memperkasakan kutipan tunggakan hasil melalui pelaksanaan beberapa pelan tindakan seperti mengadakan rundingan bersemuka serta pemantapan tindakan penguatkuasaan.
3. Kawalan terhadap perbelanjaan juga sangat penting dalam memastikan hasil yang dijana dapat menampung perbelanjaan. Antara langkah yang diambil adalah dengan memberikan keutamaan kepada perbelanjaan yang berkaitan dengan fungsi-fungsi utama DBKL sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), di samping pengurusan perbelanjaan secara berhemat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA

TARIKH : 14 DISEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan lesen perniagaan yang dikeluarkan kepada warganegara kita tidak disalahgunakan dengan memberikan warga asing untuk berniaga bagi perniagaan tersebut di sekitar Kuala Lumpur yang seterusnya menimbulkan banyak masalah sosial kepada masyarakat.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi aktiviti penjajaan, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Pasar (WPKL) 2016 yang digunapakai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyatakan dengan jelas bahawa tiada lesen boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang bukan warganegara dan pemegang lesen juga tidak boleh mengambil pembantu bukan warganegara.
2. Namun begitu, bagi pelesenan premis perniagaan, DBKL membenarkan orang bukan warganegara untuk membuat permohonan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun terdapat 20 aktiviti perniagaan seperti Pejabat Urusan, Hotel dan lain-lain, pelesenan adalah tidak dibenarkan sama ada secara individu atau perkongsian.
3. Dalam syarat lesen premis perniagaan juga, DBKL turut menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 50 peratus daripada pekerja syarikat yang berada di premis perniagaan mestilah terdiri daripada pekerja warganegara.
4. Bagi mengawal salah laku pemilikan lesen, pemantauan secara berkala telah dirancang sepanjang tahun. Jika pemegang lesen gagal mematuhi peraturan dan perundangan yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan yang tegas akan diambil termasuk tindakan sita dan membatalkan lesen perniagaan. Bagi penyewa di pusat penjaja/pasar berbangunan milik DBKL, tindakan menamatkan kontrak perjanjian penyewaan gerai turut boleh diambil bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan.

NO SOALAN: 39

5. Selain itu, DBKL juga akan melakukan libat urus dengan pihak persatuan penjaja untuk menjadi “mata dan telinga” DBKL agar salah laku penjaja warganegara asing ini dapatkan disalurkan kepada DBKL bagi tindakan penguatkuasaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI
MUSA**

SOALAN

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan unit apartmen dalam Program Perumahan Rakyat (PPR) di Wilayah Persekutuan berserta pecahan mengikut unit yang telah didiami dan unit yang belum didiami penghuni. Sila nyatakan juga berapakah jumlah permohonan yang telah diterima dan jumlah permohonan yang berjaya dalam tempoh 3 tahun.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Wilayah Persekutuan (W.P.) terdapat Program Perumahan Rakyat (PPR) iaitu di W.P. Labuan dan W.P. Kuala Lumpur. Bagi W.P. Labuan, terdapat 1 PPR yang masih dalam pembinaan iaitu PPR Jalan Batu Arang, sejumlah 500 unit dimana PPR ini dibawah kawal selia Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
2. W.P. Kuala Lumpur pula, secara keseluruhan sebanyak 58,747 unit telah didaftarkan dan sedang didiami secara sewaan atau jualan. Sebanyak 129 unit lagi sedia untuk didiami/layak untuk ditawarkan dan jumlah ini merangkumi rezab bencana alam seperti kebakaran, tanah runtuh dan penempatan setinggan.
3. Jumlah permohonan yang diterima mulai tahun 2021 sehingga bulan Oktober 2023 adalah sebanyak 4,985 permohonan. Dari Jumlah tersebut, sebanyak 522 permohonan telah lulus dan dikeluarkan surat tawaran penyewaan. Sehingga kini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang giat untuk mengenal pasti unit-unit kosong yang boleh didiami agar permohonan boleh dipertimbangkan mengikut syarat yang telah ditetapkan.
4. Dalam menampung keperluan perumahan di W.P. Kuala Lumpur, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) turut memperkenalkan Residensi MADANI bagi memberi peluang golongan sasar yang berpendapatan rendah B40 untuk turut memiliki kediaman sendiri selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri di bawah Kerajaan Malaysia MADANI. Spesifikasi bagi Residensi MADANI untuk kategori penjualan adalah berkeluasan minimum di antara 700 ke 800 kaki per segi (kps) dan harga jualan di antara RM150,000 ke RM200,000 seunit. Manakala bagi Residensi MADANI untuk kategori sewaan turut disediakan dengan harga sewaan antara RM300 hingga RM600 sebulan dan mempunyai keluasan 700 kps.

NO SOALAN: 20

Kesemua jenis Residensi MADANI ini dilengkapi dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air, dapur, ruang tamu, ruang makan, yard untuk kegunaan dobi dan satu (1) tempat letak kereta berbumbung.

5. Untuk kawasan pembangunan perumahan yang baru, DBKL telah mensyaratkan supaya pihak pemaju yang melaksanakan pembangunan berskala besar menyediakan kemudahan perumahan madani untuk memberi kemudahan perumahan kepada golongan B40 dan M40 di Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN**

SOALAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakan bajet yang diberikan secara terperinci untuk pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan asas di W.P. Labuan, W.P. Putrajaya dan W.P. Kuala Lumpur bagi tahun 2015-2022.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited dalam memastikan pembangunan Wilayah Persekutuan (W.P.) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan diberi keutamaan sama ada melalui pelaksanaan projek-projek baharu atau melibatkan kerja-kerja menaik taraf serta menyelenggara kemudahan asas.
2. Bagi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), sebanyak RM2.62 bilion telah diluluskan Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2015 hingga 2022 untuk membiayai 73 projek dibawah maksud perbelanjaan pembangunan di ketiga-tiga W.P. tersebut. Bajet ini melibatkan projekprojek yang dilaksanakan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL).
3. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28 projek bernilai RM1.6 bilion diluluskan kepada DBKL dan 22 projek bernilai RM713 juta diluluskan kepada PPj manakala 23 projek bernilai RM305 juta diluluskan kepada PL.
4. Projek-projek yang diluluskan meliputi pelbagai infrastruktur seperti jalan raya, jambatan dan sistem pembentungan serta kemudahan awam seperti taman rekreasi, pusat komuniti, pasar dan gerai-gerai.
5. Manakala melalui maklumat yang diterima daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pula, bilangan projek dalam Rolling Plan 3 Tahun 2023 RMKe-12 di W.P. merangkumi pelbagai agensi dan kementerian adalah berjumlah 662 projek dengan kos bernilai RM114.74 bilion.

6. Peruntukan yang disediakan Kerajaan pada tahun ini adalah sebanyak RM31.23 bilion. Sebanyak RM4.24 bilion diperuntukkan bagi 221 projek untuk W.P Kuala Lumpur, RM12.56 bilion bagi 255 projek di W.P. Putrajaya, RM189.88 juta bagi 80 projek, W.P. Labuan dan RM14.23 bilion bagi 106 projek di pelbagai parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN**

SOALAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dan program di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan untuk membangunkan social dan ekonomi rakyat di W.P. Labuan bagi tahun 2023 dan 2024.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai salah satu langkah untuk meringankan beban kos sara hidup dalam kalangan golongan B40 di Labuan, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dengan kerjasama Perbadanan Labuan (PL) telah melaksanakan Program Jualan Rakyat MYGrocer@Wilayah pada setiap minggu. MYGrocer@Wilayah menawarkan penjualan barangan keperluan harian terpilih dengan harga subsidi melalui pasar raya atau kedai runcit terpilih di Labuan. Sebanyak sembilan (9) barang keperluan harian yang diberikan subsidi seperti ayam bulat, telur ayam, tepung gandum 1kg, gula 1kg, sardin 425gm, beras 5kg bukan kategori premium, susu atau krimer pekat 500gm, santan kotak 200ml dan minyak masak botol 2kg.

2. Pembangunan sosial dan ekonomi rakyat di W.P. Labuan juga memberikan fokus kepada usaha-usaha menamatkan kemiskinan tegar sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan. Beberapa program telah dan sedang dilaksanakan serta terdapat juga projek-projek baharu yang sedang dirangka bagi merealisasikan hasrat menamatkan miskin tegar seperti berikut:

Program Sedia Ada Tahun 2023:

- (i) Inisiatif Basmi Miskin Tegar (iBMT) Fasa 1 di Lokaliti Kg. Sg. Bedaun dan Kg. Patau-Patau 1 & 2 bermula pada tahun 2022 hingga tahun 2025;
- (ii) Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang melibatkan tiga kategori iaitu inisiatif usahawan makanan (INSAN), inisiatif usahawan tani (INTAN) dan inisiatif operator perkhidmatan (IKHSAN) bermula pada tahun 2022 hingga tahun 2025;
- (iii) Program Pembasmian Kemiskinan Tegar melalui Usahasama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Majlis Agama Islam

- Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bermula pada tahun 2022 hingga tahun 2023; dan
- (iv) Sesi Libat Urus (SLU) bagi Program Pembasmian Kemiskinan Tegar di Wilayah Persekutuan Labuan Bersama Agensi-agensi Pemberi Bantuan.

Program Baharu Tahun 2024:

- (i) Program iBMT Fasa 2; dan
- (ii) Program Usaha Jaya Insan Bersama Institut Agro Usahawan (iGROW).
3. Selain itu, Perbadanan Labuan juga telah melaksanakan beberapa program yang telah diluluskan pada tahun 2023 iaitu:
- (i) Program Mampan Sejahtera melibatkan program-program bersama agensi / NGO dengan jumlah peruntukan RM100,000.00 melibatkan 8 program;
- (ii) Program Pertanian Bandaran bersama kebun komuniti dan Rukun Tetangga dengan kos RM85,000.00 melibatkan sebanyak 6 peserta / pengusaha; dan
- (iii) Program Peningkatan Pendapatan untuk 12 peserta yang berdaftar dengan ekasah dengan kos RM42,038.00. Program ini membantu menyediakan bantuan peralatan perniagaan kepada pengusaha penjaja.
4. Selanjutnya, melalui Blueprint Pembangunan Labuan 2030 juga telah dirangka beberapa inisiatif dalam mempelbagaikan kegiatan ekonomi agar Labuan tidak hanya bergantung kepada sektor kewangan serta industri berkaitan minyak dan gas. Penumpuan juga diberikan kepada sektor pelancongan dengan kelebihan Labuan sebagai pulau bebas cukai serta memiliki aset pelancongan yang berpotensi dalam meningkatkan ekonomi golongan sasaran terutamanya masyarakat setempat. Ini sekaligus akan menangani cabaran seperti kadar pengangguran dan kemiskinan yang tinggi di Wilayah Persekutuan Labuan. Antara program yang diberikan keutamaan adalah:
- (i) Program transformasi desa;
- (ii) Pelancongan berasaskan komuniti;

- (iii) Pembangunan modal Insan; dan
- (iv) Pembangunan infrastruktur dan fasiliti ekonomi setempat.

5. Seiring dengan pelan tindakan pembangunan tersebut, beberapa inisiatif telah diberikan dan dirancang sebagai program berterusan oleh kerajaan antaranya adalah seperti berikut;

- (i) Program Peningkatan Pendapatan kepada peniaga kecil;
- (ii) Program Pembasmian Kemiskinan melalui ekonomi digital dan peningkatan kemahiran modal insan;
- (iii) Program Inisiatif Pendapatan Rakyat melalui program keusahawanan dan industri kecil dan sederhana; dan
- (iv) Menyediakan prasarana aktiviti ekonomi di lokasi yang lebih strategik dan menarik.

6. Pelan Strategik Perbadanan Labuan 2022 -2026 Melalui Teras 5 iaitu menyediakan persekitaran yang kondusif dan kemudahan infrastruktur yang mampan untuk pertumbuhan sosial dan ekonomi Labuan yang berdaya saing, beberapa program telah dirancang antaranya seperti berikut:

- (i) Menganjurkan program latihan dan kemahiran;
- (ii) Memperkasa Majlis Perwakilan Penduduk dan Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung dalam program komuniti;
- (iii) Meningkatkan produk pelancongan bertaraf antarabangsa;
- (iv) Menggalakkan teknologi Internet of Things (IoT) dalam aktiviti ekonomi setempat; dan
- (v) Merangsang kemasukan pelaburan melalui teras ekonomi utama iaitu minyak dan gas, kewangan antarabangsa, pelancongan, pendidikan dan berkaitan aktiviti bebas cukai.

Sekian, terima kasih.